Norhardi Bin Saad

From: Jabatan Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, 4 February, 2025 5:57 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM PERKUKUH KERJASAMA AKADEMIK DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN UZBEKISTAN MELALUI SATU MOU DAN LIMA LOI

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

Your Reliable DIGITAL INFORMATION UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

4 FEBRUARI 2025 / 5 SYAABAN 1446H
==========

UUM PERKUKUH KERJASAMA AKADEMIK DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN UZBEKISTAN MELALUI SATU MOU DAN LIMA LOI

UUM Universiti Utara Malaysia
BERITA UUM
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
ILMU • BUDI • BAKTI

UUM PERKUKUH KERJASAMA AKADEMIK DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN UZBEKISTAN MELALUI SATU MOU DAN LIMA LOI



Tanjung Malim – Universiti Utara Malaysia (UUM) memperkukuh kerjasama akademik dengan enam institusi pendidikan di Uzbekistan melalui satu Memorandum Persefahaman (MOU) dan lima Surat Hasrat (LOI).

Langkah strategik ini diambil bagi memperkukuh hubungan akademik antarabangsa, khususnya dalam bidang kewangan, perbankan, keusahawanan, dan pendidikan tinggi.

Melalui LOI dengan Banking and Finance Academy (BFA) ianya bertujuan membangunkan program pascasiswazah dalam kewangan dan perbankan, melibatkan bidang Perakaunan Antarabangsa, Percukaian, Pengurusan Risiko, serta Kewangan dan Perbankan Islam.

Manakala MOU dengan Termez State University (TerSU) pula bagi merancang penubuhan pusat akademik luar pesisir di Wilayah Surkhandarya yang menawarkan program bertaraf antarabangsa dengan pemantauan kualiti berasaskan piawaian AACSB.

Sementara LOI dengan Namangan State University pula memfokuskan kepada penubuhan pusat keusahawanan sebagai hub latihan dan penyelidikan bagi memperkasa bidang keusahawanan di Wilayah Namangan.

Dalam pada itu LOI yang ditandatangani dengan Navoi State University pula bertujuan membangunkan program akademik bersama dalam bidang ekonomi, pengurusan, dan teknologi kewangan serta menggalakkan pemindahan ilmu dan penyelidikan.

Kerjasama ini dijangka memberi impak dan manfaat besar kepada kedua-dua negara melalui peningkatan kualiti pendidikan tinggi, pemindahan ilmu dan pembangunan tenaga kerja mahir dalam bidang berkaitan.

Melalui program hari ini UUM juga pastinya memperkukuh kedudukannya sebagai institusi pendidikan bertaraf antarabangsa yang membuka lebih banyak peluang kerjasama diperingkat global.

'Kita yakin dalam tempoh 12 bulan perjanjian LOI yang ditandatangani ini berpotensi dimuktamadkan menjadi Memorandum Perjanjian (MOA) bagi merealisasikan pelaksanaan program yang dipersetujui dan membawa impak positif kepada sektor pendidikan dan ekonomi kedua-dua negara nanti,' ujar Naib Canselor UUM Prof Dato' Dr Mohd Foad Sakdan.

Majlis menandatangani LOI ini turut disaksikan oleh wakil daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia serta pemimpin akademik dari Uzbekistan.

Kedua-dua pihak berharap agar perjanjian ini dapat diperkukuhkan melalui pelaksanaan program yang dirancang dalam masa terdekat.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diberi penghormatan menjadi penganjur mengendalikan Forum Pendidikan Tinggi Malaysia – Uzbekistan Kali Pertama yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.

Hadir sama menyampaikan ucapan ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi, Uzbekistan, The Hon. Konratbay Sharipov.







UUM ONLINE – Universiti Utara Malaysia (UUM) memperkukuh kerjasama akademik dengan enam institusi pendidikan di Uzbekistan melalui satu Memorandum Persefahaman (MOU) dan lima Surat Hasrat (LOI).

Langkah strategik ini diambil bagi memperkukuh hubungan akademik antarabangsa, khususnya dalam bidang kewangan, perbankan, keusahawanan, dan pendidikan tinggi.

Melalui LOI dengan Banking and Finance Academy (BFA) ianya bertujuan membangunkan program pascasiswazah dalam kewangan dan perbankan, melibatkan bidang Perakaunan Antarabangsa, Percukaian, Pengurusan Risiko, serta Kewangan dan Perbankan Islam.

Manakala MOU dengan Termez State University (TerSU) pula bagi merancang penubuhan pusat akademik luar pesisir di Wilayah Surkhandarya yang menawarkan program bertaraf antarabangsa dengan pemantauan kualiti berasaskan piawaian AACSB.

Sementara LOI dengan Namangan State University pula memfokuskan kepada penubuhan pusat keusahawanan sebagai hub latihan dan penyelidikan bagi memperkasa bidang keusahawanan di Wilayah Namangan.

Dalam pada itu LOI yang ditandatangani dengan Navoi State University pula bertujuan membangunkan program akademik bersama dalam bidang ekonomi, pengurusan, dan teknologi kewangan serta menggalakkan pemindahan ilmu dan penyelidikan.

Kerjasama ini dijangka memberi impak dan manfaat besar kepada kedua-dua negara melalui peningkatan kualiti pendidikan tinggi, pemindahan ilmu dan pembangunan tenaga kerja mahir dalam bidang berkaitan.

Melalui program hari ini UUM juga pastinya memperkukuh kedudukannya sebagai institusi pendidikan bertaraf antarabangsa yang membuka lebih banyak peluang kerjasama diperingkat global.

‘Kita yakin dalam tempoh 12 bulan perjanjian LOI yang ditandatangani ini berpotensi dimuktamadkan menjadi Memorandum Perjanjian (MOA) bagi merealisasikan pelaksanaan program yang dipersetujui dan membawa impak positif kepada sektor pendidikan dan ekonomi kedua-dua negara nanti,’ ujar Naib Canselor UUM Prof Dato' Dr Mohd Foad Sakdan.

Majlis menandatangani LOI ini turut disaksikan oleh wakil daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia serta pemimpin akademik dari Uzbekistan.

Kedua-dua pihak berharap agar perjanjian ini dapat diperkukuhkan melalui pelaksanaan program yang dirancang dalam masa terdekat.

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diberi penghormatan menjadi penganjur mengendalikan Forum Pendidikan Tinggi Malaysia – Uzbekistan Kali Pertama yang berlangsung di Dewan Tuanku Canselor, Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City.

Majlis perasmiannya disempurnakan oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato’ Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir.

Hadir sama menyampaikan ucapan ialah Menteri Pendidikan Tinggi, Sains dan Inovasi, Uzbekistan, The Hon. Konratbay Sharipov.







Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.